



Mangsa melihat keadaan rumahnya yang dinaiki air akibat banjir kilat.

73 rumah dinaiki air

KULIM - Sebanyak tujuh kampung di Mukim Terap di sini, dilanda banjir kilat akibat hujan lebat selama tiga jam, petang kelmarin.

Penghulu Mukim Terap, Nurhafiz Harun berkata, hujan lebat sejak jam 4 petang kelmarin itu menyebabkan aras air di tiga sungai berdekatan termasuk Sungai Air Jernih dan Sungai Terap naik dan menyebabkan banjir kilat.

Menurutnya, sebanyak 73 rumah di tujuh kampung termasuk Kampung Terap, Badlishah, Sungai Tengah, Batu 10, Batu 12, dan Durian Burung dinaiki air sehingga hampir satu meter namun, tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

"Ini adalah banjir paling teruk dalam tempoh lapan tahun walaupun

sebelum ini kawasan ini juga mudah dilanda banjir.

"Tiada pusat perlindungan sementara dibuka memandangkan air surut kira-kira jam 11 malam dan mangsa yang menumpang di rumah jiran juga sudah pulang ke kediaman masing-masing sebaik sahaja air surut," katanya.

Nurhafiz berkata, pihak yang bertanggungjawab termasuk Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) perlu melakukan kerja pendalaman sungai dengan segera.

"Saya percaya banjir kali ini berpunca daripada tiga sungai yang terdapat di kawasan ini seperti Sungai Terap, Sungai Air Jernih dan sungai di Kampung Durian Burung yang tidak didalamkan," katanya.